

Pergiat basmi jenayah seksual kanak-kanak

Baru-baru ini, tular kes seorang warga Malaysia dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh Mahkamah United Kingdom, atas 17 tuduhan pemilikan bahan pornografi kanak-kanak termasuk dalam kategori ekstrem.

Lelaki itu dibebaskan selepas sembilan bulan, seterusnya pulang ke Malaysia dan menyambung pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kebimbangan masyarakat berasas, kerana isu keselamatan kanak-kanak adalah sesuatu yang sangat besar dan harus diberikan perhatian serius semua pihak.

Pedofilia ialah sejenis penyakit mental yang boleh bermula sejak zaman kanak-kanak. Mereka ini mempunyai kecenderungan syahwat tidak normal dan tidak wajar terhadap kanak-kanak, terutamanya di bawah umur 14 tahun.

Ia membabitkan fantasi, rangsangan dan tingkah laku seksual terhadap kanak-kanak pada peringkat umur itu.

Kajian antarabangsa melaporkan lebih kurang 80 peratus pedofil mengaku tidak menyentuh kanak-kanak, namun mempunyai fantasi seksual terhadap golongan itu.

Kajian mendapati, pedofilia banyak menonton pornografi

kanak-kanak serta video penderaan seksual untuk mendapatkan kepuasan sendiri. Sumber utama bahan pornografi dan video adalah internet dan media sosial.

Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan hukuman jelas terhadap jenayah pedofila. Namun, tindakan pemantauan dan rawatan selepas hukuman dijalankan tidak digariskan dengan jelas.

Oleh kerana pedofilia adalah penyakit mental, penghidapnya boleh kembali semula mengalami ketagihan. Pesakit perlu menjalani proses rawatan dan pemulihan psikiatri dalam jangka masa panjang, untuk memastikan benar-benar pulih dan tidak lagi menjadi ancaman kepada kanak-kanak.

Oleh itu, disarankan agar usaha memastikan rawatan dan kawalan berterusan ke atas pedofil yang sudah menjalani hukuman undang-undang diteruskan secara terancang, seperti diperkatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Satu Majlis Tindakan Khas dianggotai pakar dalam bidang ini perlu diwujudkan untuk mencadangkan rawatan berte-rusan dan garis panduan mem-

babitkan majikan serta keluarga pesalah jenayah seksual kanak-kanak yang menjalani hukuman.

Majlis dicadangkan ini boleh memberi input kepada pihak berwajib terhadap tindakan susulan yang sesuai, tanpa menghilangkan hak pesalah pedofil yang benar-benar sembuh untuk kembali menjadi ahli masyarakat yang bertanggungjawab.

Selain itu, daftar pesalah seksual perlu dikembangkan dengan memasukkan maklumat semua pesalah ini sebelum 2017, walaupun mereka tidak melakukan jenayah di negara ini.

Pelancong asing yang mempunyai rekod salah laku seksual di negara mereka tidak wajar dibenarkan masuk ke Malaysia. Usaha menyelaraskan maklumat daftar pesalah seksual Malaysia dengan daftar pesalah seksual negara lain di peringkat jabatan imigresen setiap negara, perlu diperincikan dengan mengambil kira peruntukan undang-undang terkait.

Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak juga perlu diperbanyakkan di seluruh negara. Mahkamah ini dianggotai pegawai perundangan yang dilatih dengan kepakaran untuk mengendalikan kes berkaitan jena-

yah seksual kanak-kanak.

Mekanisme juga perlu diwujudkan untuk memantau gajet, komputer dan segala peralatan elektronik pesalah untuk memastikan mereka tidak lagi terbabit sama ada memiliki, menyimpan, menghasilkan, mengedar dan menyebarkan bahan pornografi kanak-kanak.

Selain itu, usaha membanteharus penghasilan dan penyebaran bahan pornografi kanak-kanak oleh mana-mana pihak perlu dipertingkatkan.

Akhir sekali, usaha memberi kesedaran jenayah seksual terhadap kanak-kanak di dalam masyarakat perlu dipergiatkan semua pihak, baik di peringkat kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

Pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat perlu diberi kefahaman tentang bahaya pornografi dan kesannya terhadap masyarakat.

Masyarakat harus sedar bahawa kita semua bertanggungjawab mewujudkan persekitaran sejahtera, selesa, selamat dan bermanfaat kepada kanak-kanak. Semoga Malaysia terus maju dan aman sejahtera untuk anak-anak kita.

Sallawahu Mohd Salleh,
Ketua Wanita, Pertubuhan
IKRAM Malaysia